



قجابه ستياوسها كراجان نكري كلتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (25)

Tarikh : 15 Rabiulakhir 1439H

3 Januari 2018

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2018

**KEBENARAN KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI UNTUK MENJADI MUTAWIF/PETUGAS HAJI
YANG DILANTIK OLEH LEMBAGA TABUNG HAJI MALAYSIA TERHAD SEKALI SAHAJA
DALAM TEMPOH TIGA TAHUN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Jabatan dan Agensi Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2017 yang diadakan pada 27 September 2017, telah dipersetujui bahawa seseorang pegawai awam yang dilantik secara bertulis oleh Lembaga Tabung Haji Malaysia sebagai Mutawif/Mutawifah Haji/Petugas semasa musim haji layak mendapat pelepasan seperti bertugas rasmi dan dibayar bergaji penuh. Namun begitu, pelepasan berkenaan perlulah terlebih dahulu mendapat pertimbangan dan persetujuan Ketua Jabatan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kebenaran adalah terhadap sekali dalam tempoh tiga (3) tahun.


3. Pelepasan ini juga perlulah direkod dalam Buku Perkhidmatan kenyataan pegawai berkenaan.

Sekian, dimaklumkan.

*** RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT ***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***

Saya yang menurut perintah,


DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN